NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

| Bil. | Jawatan | Kelayakan |
|---|---|---|
| 1. | Penjaga Jentera Elektrik- *Chargeman* (Gred 14 – Jawatan Kontrak) (Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor) | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pepasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994<br>2. Bertanggungjawab dalam mengenalpasti, mengesan kerosakan, membaikpulih, memeriksa dan menguji peralatan dan komponen elektrik di bangunan MGI supaya berkeadaan baik dan selamat<br>3. Merekod, menyimpan rekod dan menyenggara rekod senggaraan elektrik<br>4. Melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan/ inspektorat ke atas pemasangan elektrik<br>5. Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;<br>3. Mempunyai Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) dan kategori voltan tinggi (BO-2,BO-1, BO, B1@ B4) sekatan 11kV/33kV yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.; dan<br>4. Mempunyai pengalaman dalam tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pepasangan elektrik merupakan satu kelebihan. |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),

d/a Ibu pejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel: 03-8949 5686
Emel: recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan**:** **23 JUN 2017**